

TARIKH: 13 / 4 / 2023

SURAT KHABAR: HARIAN METRO

MUKA SURAT: 18

4.2023 | Harian Metro  
PG - 18 (13.04.23)

## Arah siasat, selesai segera

**Kuala Lumpur:** Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar mengarahkan siasatan dilakukan terhadap dakwaan seorang penghantar makanan dizalimi oleh syarikat perkhidmatan penghantaran makanan, yang tular baru-baru ini.

Menerusi hantaran di Twitter, Sivakumar berkata, pegawai kementerian itu akan menghubungi syarikat berkenaan untuk siasatan lanjut.

“Saya ambil maklum dan sudah mengarahkan pegawai saya... untuk menyiasat dan selesaikan isu ini dengan segera,” katanya di Twitter.

Isnin lalu, media melapor kan penghantar makanan berkenaan, Muhd Saifuddin Mustafa, 28, menzahirkan kekecewaan apabila mendakwa gaji yang diterimanya hanya RM500 dan bukan RM800 seperti yang sepautnya.

Video luahan kekecewaan individu yang dimuat naik di aplikasi TikTok menggunakan akaun saifuxander tular baru-baru ini, mendapat lebih 900,000 tontonan, setakat ini. - Bernama